ARBA'EI OTHMAN & YANG LAIN A

lwn.

PP & RAYUAN YANG LAIN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA B
AZAHAR MOHAMED HMR
TENGKU MAIMUN HMR
UMI KALTHUM ABD MAJID HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: K-09-18-01-2013, K-09-20-01-2013,
K-09-21-01-2013, K-09-22-01-2013, C
K-09-17-01-2013 & K-09-19-01-2013]
9 MEI 2014

PERBANKAN: *Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 ('BAFIA') - Menerima deposit daripada pendeposit-pendeposit tanpa* D
lesen sah di bawah s. 6(4) BAFIA - Sama ada satu kesalahan di bawah s. 25 BAFIA - Konsep perniagaan syarikat - Sama ada tidak tergolong dalam kategori perniagaan perbankan dan syarikat kewangan sepertimana diperuntukkan di bawah s. 25(1) BAFIA - Sama ada syarikat tertakluk ke pada mana-mana peruntukan BAFIA - Doktrin E
estopel - Sama ada boleh dipakai - Sama ada kesalahan di bawah s. 25(1) dibaca bersama s. 106(1) adalah bersifat liabiliti ketat - Sabitan terhadap perayu-perayu - Sama ada selamat - Sama ada hukuman yang dijatuhkan terlampau berat

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kesalahan perbankan - Syarikat* F
menerima deposit daripada pendeposit-pendeposit tanpa lesen sah di bawah s. 6(4) BAFIA - Sama ada satu kesalahan di bawah s. 25 BAFIA - Konsep perniagaan syarikat - Sama ada tidak tergolong dalam kategori perniagaan perbankan dan syarikat kewangan sepertimana G
diperuntukkan di bawah s. 25(1) BAFIA - Sama ada syarikat tertakluk ke pada mana-mana peruntukan BAFIA - Doktrin estopel - Sama ada boleh dipakai - Sama ada kesalahan di bawah s. 25(1) dibaca bersama s. 106(1) BAFIA adalah bersifat liabiliti ketat - Sabitan terhadap perayu-perayu - Sama ada selamat - Sama ada hukuman yang H
dijatuhkan terlampau berat

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Menerima deposit daripada pendeposit-pendeposit tanpa lesen sah di bawah s. 6(4) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 ('BAFIA') - Sama ada satu kesalahan di bawah s. 25 BAFIA - Sama* I

ada terbukti - Sama ada pembelaan dapat menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan - Sabitan terhadap perayu-perayu - Sama ada selamat - Sama ada hukuman yang dijatuhkan terlampau berat - Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, s. 106(1)

Mohd Khalid Mokhtar ('Khalid'), Arba'ei Othman ('Arba'ei') dan Afta Nizam Ibrahim ('Afta') telah dituduh dan dibicarakan di Mahkamah Sesyen sebagai pengarah-pengarah Platinum Lane Sdn Bhd ('PLSB') manakala Jeffry Abd Wahab ('Jeffry'), Kamaruddin Mohamad ('Kamaruddin') dan Ashah Man ('Ashah') telah dituduh dan dibicarakan di Mahkamah Sesyen sebagai pengawai-pegawai PLSB. Mereka didakwa telah melakukan kesalahan di bawah s. 25(1) yang dibaca bersama dengan s. 106(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 ('BAFIA') kerana telah menerima deposit-deposit daripada pendeposit-pendeposit tanpa memiliki lesen yang sah yang diberikan di bawah s. 6(4) BAFIA. Jeffry, Kamaruddin, Arbaiei dan Afta telah didapati bersalah dan telah dijatuhkan hukuman penjara 6 bulan setiap seorang. Khalid juga didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara dua tahun. Ashah pula didapati tidak bersalah dan dilepaskan dan dibebaskan. Tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Sesyen, pihak-pihak terlibat ('perayu-perayu') perayu-perayu telah merayu ke Mahkamah Tinggi yang seterusnya menolak rayuan perayu-perayu dan membenarkan rayuan silang pendakwa raya terhadap hukuman dengan menaikkan hukuman penjara dari 6 bulan ke 12 bulan terhadap Jeffry, Kamaruddin, Arbaiei dan Afta. Untuk Khalid, Mahkamah Tinggi mengekalkan hukuman penjara dua tahun tersebut. Mahkamah Tinggi juga telah menolak rayuan Pendakwa Raya terhadap perintah pelepasan dan pembebasan ke atas Ashah. Perayu-perayu kemudiannya memfailkan rayuan masing-masing ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dan mahkamah ini mendengar bersekali penghujahan yang telah dikemukakan oleh semua pihak berkaitan keenam-enam rayuan yang berkenaan. Perayu-perayu berhujah bahawa (i) konsep dan corak perniagaan yang dijalankan oleh PLSB tidak tergolong di dalam mana-mana kategori perniagaan perbankan dan syarikat kewangan sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 25(1) BAFIA. Seterusnya, oleh kerana pihak pendakwaan gagal membuktikan PLSB terlibat dalam corak-corak perniagaan tersebut, maka intipati material pertuduhan telah gagal dibuktikan terhadap kesemua perayu; (ii) s. 25(1) BAFIA tidak terpakai kerana konsep perniagaan yang dijalankan oleh PLSB dikatakan bercirikan konsep

Islam yang dikenali sebagai *Al-Bai' Bil Hibbah*; (iii) isu estopel dibangkitkan kerana PLSB telah meneruskan perniagaannya berdasarkan representasi Bank Negara Malaysia ('BNM') bahawa PLSB tidak tertakluk kepada mana-mana peruntukan BAFIA; (iv) sama ada peruntukan s. 25(1) dibaca bersama s. 106(1) BAFIA adalah bersifat liabiliti ketat atau sebaliknya; (v) hukuman yang dijatuhkan adalah hukuman yang terlampau berat dan tidak berpadanan dengan kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

Diputuskan (menolak rayuan-rayuan)
Oleh Azahar Mohamed HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan bahawa PLSB telah menjalankan aktiviti perbankan, syarikat kewangan, perbankan saudagar atau syarikat diskaun. Terdapat keterangan yang jelas dan mencukupi bahawa PLSB telah menjalankan satu aktiviti penerimaan 'deposit' di mana pelabur-pelabur dijanjikan dengan pulangan semula wang pokok dan juga pulangan kepada pelaburan. Tambahan pula, deposit-deposit yang diterima dan diambil oleh PLSB walaupun dipanggil sebagai "Kontrak Belian Baucer Barangan", namun pada hakikatnya ia merupakan 'deposit' seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2(1) dan s. 25(3) BAFIA. (perenggan 19)

(2) Terdapat keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan yang menunjukkan bahawa konsep perniagaan yang dijalankan oleh PLSB itu adalah bertentangan dengan muamalat Islam. Seterusnya, perniagaan PLSB tidak dikecualikan daripada peruntukan BAFIA yang merupakan suatu Akta bagi mengadakan undang-undang mengenai pelesenan dan pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar dan pembrokeran wang, mengenai pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan kewangan lain yang tertentu, dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya. (perenggan 20)

(3) Doktrin estopel tidak boleh digunapakai kerana PLSB sudah mula beroperasi sebelum inkuiri atas pertanyaan dibuat kepada BNM. Ini jelas dilihat melalui tarikh-tarikh pelaburan oleh pelabur-pelabur yang melabur sebelum pertanyaan dibuat kepada BNM atau mana-mana pihak berkuasa yang lain. (perenggan 21)

(4) Peruntukan s. 25(1) dan s. 106(1) digubal bagi menghindari kesan buruk terhadap orang awam berpunca daripada individu atau syarikat yang menerima deposit tanpa lesen yang mengakibatkan pendeposit tidak mendapat kembali wang pokok yang telah didepositkan. Oleh itu, kesalahan di bawah s. 25(1) dibaca bersama s. 106(1) adalah 'regulation for the public welfare of a particular activity'. Dengan menjadikan kesalahan s. 25(1) yang dibaca dengan s. 106(1) sebagai kesalahan liabiliti ketat, ianya dapat membantu penguatkuasaan undang-undang tersebut menjadi lebih berkesan. Dalam kes ini, perayu telah gagal membuktikan bahawa kesalahan yang telah dilakukan oleh PLSB tidak dipersetujui oleh mereka atau bahawa mereka telah menjalankan segala usaha untuk mengelakkan PLSB melakukan kesalahan yang berkenaan. (perenggan 22 & 24)

(5) Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan yang betul apabila mendapati kesemua perayu bersalah dan mensabitkannya atas pertuduhan yang dikenakan ke atas mereka. Pembelaan perayu-perayu tidak dapat menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan melampaui keraguan munasabah di atas pertuduhan terhadap perayu-perayu. Sabitan terhadap perayu-perayu adalah selamat. (perenggan 26)

(6) Kesalahan yang dilakukan oleh kesemua perayu merupakan satu kesalahan yang serius. Sekiranya hukuman yang ringan dikenakan ke atas pesalah-pesalah, ini tidak akan memberi pengajaran kepada mereka, sebaliknya memungkinkan pesalah-pesalah ini kembali melakukan aktiviti yang sama. Tidak wujud sebarang kekhilafan dalam menjatuhkan hukuman ke atas mereka yang mewajarkan campur tangan mahkamah ini. (perenggan 31 & 33)

(7) Mengenai Ashah pula, memandangkan tiada saksi yang menyatakan beliau telah memberi maklumat kepada pendeposit-pendeposit tentang skim PLSB itu, serta dokumen-dokumen PLSB seperti surat rasmi dan cek yang berkaitan dalam kes ini tidak melibatkan atau membabitkannya, tiada sebab untuk mahkamah ini mengganggu keputusan Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi untuk melepaskannya. (perenggan 16)

***English** Translation Of Headnotes*

Mohd Khalid Mokhtar ('Khalid'), Arba'ei Othman (Arba'ei) and Afta Nizam Ibrahim ('Afta') were charged and tried in the Sessions Court as directors of Platinum Lane Sdn Bhd ('PLSB') whereas Jeffry Abd Wahab (Jeffry'), Kamaruddin Mohamad ('Kamaruddin') and Ashah Man ('Ashah') were charged and tried in the Sessions Court as officers of PLSB. They were alleged to have committed an offence under s. 25(1) of the Banking and Financial Institutions Act 1989 ('BAFIA') for receiving deposits from several depositors without possessing a valid license under s. 6(4) of the BAFIA. Jeffry, Kamaruddin, Arbae'ie and Afta were found guilty and were sentenced to six months' imprisonment respectively. Khalid was also found guilty and was sentenced to two years' imprisonment. Ashah, however, was found not guilty and was discharged and acquitted. Dissatisfied with the decision made by the Sessions Court, the parties involved ('appellants') appealed to the High Court which in turn rejected the appellants' appeal and allowed the prosecution's cross-appeal against the sentences imposed by enhancing the imprisonment term from 6 months to 12 months against Jeffry, Kamaruddin, Arba'ei and Afta. For Khalid, the High Court retained the jail sentence of two years. The High Court had also dismissed the prosecution's appeal against the discharge and acquittal of Ashah Man. The appellants filed an appeal respectively to the Court of Appeal against the High Court's decision and this court heard all the submissions presented by the parties in connection with the case together. The appellants submitted that (i) the concept and pattern of the business that was being run by PLSB did not fall under any banking, financial company or merchant bank category as appropriated under s. 25(1) of the BAFIA. Further, due to the prosecution's failure to prove that PLSB was involved in such business patterns, the essence of the material charge was not proved against all the appellants; (ii) s. 25(1) of the BAFIA was not applicable because the business concept that was undertaken by PLSB had an Islamic characteristic concept known as *Al-Bai'-Bil Hibbah*; (iii) issue estoppel could be raised because PLSB had continued its business based on the representation of the Bank Negara Malaysia ('BNM') that PLSB was not subjected to any provision under BAFIA; (iv) whether s. 25(1) when read together with s. 106(1) BAFIA was in the nature of a strict liability or otherwise; (v) the sentence imposed was manifestly excessive and did not commensurate with the offence committed.

Held (dismissing appeals)
Per Azahar Mohamed JCA delivering the judgment of the court:

(1) The prosecution did not need to prove that PLSB was undertaking banking or financial company activities. There was clear and sufficient evidence that PLSB had conducted an activity of receiving "deposits" where investors were promised of capital and investment returns. Further, although the deposits received and taken by PLSB was called "Purchase of Product Vouchers Contract", it was in fact a "deposit" as defined under s. 2(1) and s. 25(3) of the BAFIA.

(2) There was evidence adduced by the prosecution that showed that the business concept undertaken by PLSB was contrary to Islamic muamalat. Further, PLSB business was not excluded from the BAFIA provisions which is an Act to provide law regarding licensing and to regulate institutions that run banking businesses, financial companies, merchant banking and money broking, concerning regulations of institutions running other financial related businesses and regarding matters that were incidental thereto or connected therewith.

(3) The doctrine of estoppel was not applicable herein because PLSB had commenced operations before any inquiries were done to BNM. This was clearly seen through the dates of investments by the investors that had invested before inquiries were made to BNM or other authorities.

(4) The provisions of ss. 25(1) and 106(1) were drafted to avoid adverse impact on the public resulting from individuals or companies that accept deposits without license that could lead to depositors not receiving their capital returns. Therefore, the offence under s. 25(1) read together with s. 106(1) was a 'regulation for the public welfare of a particular activity. By making the offence under s. 25(1) read with s. 106(1) an offence of strict liability, it would help the enforcement of the said laws to be more effective. In this case, the appellants had failed to prove that the offence committed by PLSB was not agreed upon by them or that they had exercised all efforts to prevent PLSB from committing such offences.

(5) The Sessions Court and the High Court had made the correct decision when finding the appellants guilty and convicting them of the charge imposed on them. The defence of the appellants could not raise reasonable doubt on the prosecution's case. The prosecution succeeded in proving beyond reasonable doubt the charge against the appellants. The conviction of the appellants was safe.

(6) The offence committed by the appellants was a serious offence. If a lighter sentence was imposed on the wrongdoers, it would not serve as a lesson to them, on the other hand it would enable the wrongdoers to repeat the activity. There was no error committed in the sentences imposed on the appellants that would require this court's intervention.

(7) As for Ashah, in view of the fact that no witness had stated that she had given information to the depositors regarding the PLSB scheme, and that the PLSB documents such as the official letter and cheques in relation to the case did not involve or connect her, there was no reason for this court to intervene in the decision of the Sessions Court and the High Court to acquit her.

Kes-kes yang dirujuk:
Lim Chin Aik v. Regina [1962] 1 LNS 86 PC ***(dirujuk)***
PP v. Osman Apo Hamid & Anor [1976] 1 LNS 110 HC ***(dirujuk)***
Teng Howe Sing v. PP [2008] 5 CLJ 186 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Banking and Financial Institutions Act 1989, ss. 2(1), 4(a), 6(4), 25(1), (3), 103, 106(1)
Lembaga Padi dan Beras Negara (Restriction of Movement) Terengganu Regulation, s. 29(1)

(Rayuan Jenayah No: K-09-17-01-2013, K-09-18-01-2013, K-09-21-01 2013)
Bagi pihak perayu-perayu - Zainal Abidin; T/n Haniff Khatri
Bagi pihak responden - Ilmami Ahmad; TPR

(Rayuan Jenayah No: K-09-20-01-2013)
Bagi pihak perayu - Shanmugaiah; T/n C Shanmugaiah & Co
Bagi pihak responden - Ilmami Ahmad; TPR

A *(Rayuan Jenayah No: K-09-22-01-2013)*
Bagi pihak perayu - Zarina Zahur Hussain; T/n Firuz Jaffril, Aidil & Zarina
Bagi pihak responden - Ilmami Ahmad; TPR

(Rayuan Jenayah No: K-09-19-01-2013)
Bagi pihak perayu - Ilmami Ahmad; TPR
B *Bagi pihak responden - Shanmugaiah; T/n C Shanmugaiah & Co*

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

C **PENGHAKIMAN**

Azahar Mohamed HMR:

[1] Di hadapan kami terdapat enam rayuan:

D (i) K-09-17-01-2013: *Mohd Khalid Mokhtar v. PP*;

(ii) K-09-18-01-2013: *Jeffry Abd Wahab v. PP*;

(iii) K-09-19-01-2013: *PP v. Ashah Man*;

E (iv) K-09-20-01-2013: *Kamaruddin Mohamad v. PP*;

(v) K-09-21-01-2013: *Arba'ei Othman v. PP*; dan

(vi) K-09-22-01-2013: *Afta Nizam Ibrahim v. PP*.

F **Pertuduhan-Pertuduhan**

[2] Mohd Khalid bin Mokhtar, Arba'ei bin Othman dan Afta Nizam bin Ibrahim telah dituduh dan dibicarakan di Mahkamah Sesyen sebagai pengarah-pengarah Platinum Lane Sdn Bhd
G ("PLSB") kerana telah melakukan kesalahan di bawah s. 25(1) yang dibaca bersama dengan s. 106(1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 ('BAFIA') sebagaimana pertuduhan yang berikut:

H Bahawa Platinum Lane Sdn Bhd (No. Pendaftaran Syarikat 435565-A) di antara bulan Ogos 1998 dan bulan Ogos 2000 di Lot No. 178, 179, 180, 181, 183, 192 dan 193, Jalan Putra 8, Pusat Perniagaan Putra, Jalan Kilang Lama dalam Daerah Kulim dalam Negeri Kedah telah menerima deposit-deposit daripada pendeposit-pendeposit tanpa memiliki lesen yang sah yang
I diberikan di bawah seksyen 6(4) Akta Bank dan Institusi-Institusi

Kewangan 1989 dan bahawa kamu pada masa berlakunya kesalahan tersebut adalah pengarah institusi tersebut dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 25(1) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 106(1) Akta yang sama, dan boleh dihukum di bawah seksyen 103(1)(a) Akta yang sama dan Nombor Siri 20 dalam Jadual Keempat Akta yang sama.

[3] Manakala Jeffry bin Abd Wahab, Kamaruddin bin Mohamad dan Ashah binti Man telah dituduh dan dibicarakan di Mahkamah Sesyen sebagai pegawai-pegawai PLSB kerana telah melakukan kesalahan di bawah s. 25(1) dan yang dibaca bersama dengan s. 106(1) BAFIA sebagaimana pertuduhan yang berikut:

Bahawa Platinum Lane Sdn Bhd (No. Pendaftaran Syarikat 435565-A) di antara bulan Mac 1999 dan bulan Ogos 2000 di Lot No. 178, 179, 180, 181, 183, 192 dan 193, Jalan Putra 8, Pusat Perniagaan Putra, Jalan Kilang Lama dalam Daerah Kulim dalam Negeri Kedah telah menerima deposit-deposit daripada pendeposit-pendeposit tanpa memiliki lesen yang sah yang diberikan di bawah seksyen 6(4) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan bahawa kamu pada masa berlakunya kesalahan tersebut adalah pegawai institusi tersebut dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 25(1) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 106(1) Akta yang sama, dan boleh dihukum di bawah seksyen 103(1)(a) Akta yang sama dan Nombor Siri 20 dalam Jadual Keempat Akta yang sama.

[4] Seksyen 25(1) BAFIA menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh menerima, mengambil, atau menyetujuterima deposit kecuali di bawah dan mengikut suatu lesen sah yang diberikan di bawah s. 6(4) untuk menjalankan perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar atau syarikat diskaun. Manakala s. 106(1) memperuntukkan, antara lain, bahawa jika apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan BAFIA ini telah dilakukan oleh mana-mana syarikat, maka mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu menjadi pengarah atau pegawai syarikat itu, adalah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa dipersetujui atau dibiarkannya dan bahawa dia menjalankan segala usaha untuk mengelakkan berlakunya kesalahan sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankannya, memandang kepada jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan.

A **Keputusan Mahkamah Sesyen**

[5] Mahkamah Sesyen telah mendapati Jeffry bin Abd Wahab, Kamaruddin bin Mohamad, Arba'ei bin Othman dan Afta Nizam bin Ibrahim, bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan ke atas
B mereka serta dijatuhkan hukuman penjara enam bulan setiap seorang dari tarikh jatuh hukum iaitu 29 Ogos 2010.

[6] Mahkamah Sesyen juga telah mendapati Mohd Khalid bin Mokhtar bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan ke atas beliau serta dijatuhkan hukuman penjara dua tahun dari tarikh jatuh
C hukum iaitu 27 Februari 2012.

[7] Manakala Mahkamah Sesyen telah memutuskan bahawa Ashah binti Man didapati tidak bersalah dan dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri.

D

Keputusan Mahkamah Tinggi

[8] Tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah Sesyen tersebut, kesemua pihak yang berkenaan telah mengemukakan
E rayuan ke Mahkamah Tinggi Alor Setar. Pada 31 Disember 2012, Mahkamah Tinggi telah menolak rayuan Mohd Khalid bin Mokhtar, Jeffry bin Abd Wahab, Kamaruddin bin Mohamad, Arba'ei bin Othman dan Afta Nizam bin Ibrahim. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan silang
F Pendakwa Raya terhadap hukuman dengan menaikkan hukuman penjara dari enam bulan ke-12 bulan terhadap Jeffry bin Abd Wahab, Kamaruddin bin Mohamad, Arba'ei bin Othman dan Afta Nizam bin Ibrahim.

[9] Dalam menolak rayuan Mohd Khalid bin Mokhtar,
G Mahkamah Tinggi mengekalkan hukuman penjara dua tahun tersebut.

[10] Mahkamah Tinggi juga telah menolak rayuan Pendakwa Raya terhadap perintah pelepasan dan pembebasan ke atas Ashah binti
H Man.

[11] Kesemua pihak kemudiannya telah memfailkan rayuan masing-masing ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi itu.

I **[12]** Kami telah pun mendengar bersekali penghujahan yang telah dikemukakan oleh semua pihak berkaitan keenam-enam rayuan yang berkenaan dan di akhir pendengaran, kami telah menangguhkan keputusan untuk menimbangkan rayuan-rayuan tersebut.

[13] Ini adalah keputusan kami sebulat suara berkaitan keenam-enam rayuan yang berkenaan. A

Kes Pendakwaan

[14] Berdasarkan keterangan yang disandarkan oleh pihak pendakwaan yang diterima oleh Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi, intipati kes pihak pendakwaan boleh diringkaskan seperti berikut: B

(a) PLSB adalah sebuah syarikat yang telah diperbadankan pada 18 Jun 1997. PLSB menjalankan perniagaan dagangan dan perkhidmatan yang dikatakan mempelawa ahli-ahlinya untuk sama-sama menjadi rakan niaga dalam perniagaan mereka. C

(b) Di antara bulan Ogos 1998 dan bulan Ogos 2000, enam orang pendeposit iaitu SP10, SP15, SP16, SP17, SP18 dan SP19 telah memberi deposit secara tunai atau bank draft kepada PLSB di pejabat di Lot-lot No. 178, 179, 180, 181, 183, 192 dan 193, Jalan Putra 8, Pusat Perniagaan Putra, Jalan Kilang Lama dalam Daerah Kulim, Negeri Kedah. D

(c) Semua pelabur atau pendeposit memberi wang mereka kepada PLSB atas fahaman bahawa wang itu akan dibayar balik atau dipulang balik. Melalui keterangan enam orang pelabur tersebut dan eks. P43, P65, P71 dan P74 iaitu Kontrak Belian Baucer Barangan di antara pelabur dan PLSB adalah jelas bahawa terdapat elemen pulangan ataupun bayaran balik. E F

(d) PLSB menjalankan aktiviti penerimaan 'deposit' di mana pelabur-pelabur dijanjikan dengan pulangan semula wang pokok dan juga pulangan kepada pelaburan. G

(e) Sungguhpun deposit-deposit yang diterima atau diambil oleh PLSB dipanggil 'Kontrak Belian Baucer Barangan', namun pada hakikatnya ia merupakan 'deposit' sepertimana yang ditakrifkan di bawah s. 2(1) dan s. 25(3) BAFIA yang, antara lain, memperuntukkan "tidak kira sama ada transaksi itu diperihalkan sebagai suatu pinjaman, pendahuluan, pelaburan, simpanan, jualan atau jualan dan belian semula". H

(f) Tiada lesen dikeluarkan kepada PLSB dan juga kepada pengarah dan pegawai PLSB yang lain di bawah s. 6(4) BAFIA dan oleh yang demikian, PLSB telah melakukan kesalahan di bawah s. 25(1) BAFIA. I

(g) Mohd Khalid bin Mokhtar, Arba'ei bin Othman dan Afta Nizam bin Ibrahim dalam kapasiti mereka sebagai pengarah-pengarah PLSB dan Jeffry bin Abd Wahab, Kamaruddin bin Mohamad serta Ashah binti Man dalam kapasti mereka sebagai pegawai-pegawai PLSB pada masa berlakunya kesalahan itu, mempunyai beban di bawah s. 106(1) BAFIA untuk membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa dipersetujui atau dibiarkan mereka dan bahawa mereka menjalankan segala usaha untuk mengelakkan berlakunya kesalahan sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankan oleh mereka.

(h) Mohd Khalid bin Mokhtar, Arba'ei bin Othman dan Afta Nizam bin Ibrahim dalam kapasiti mereka sebagai pengarah-pengarah PLSB dan Jeffry bin Abd Wahab, Kamaruddin bin Mohamad serta Ashah binti Man sebagai pegawai-pegawai PLSB pada masa berlakunya kesalahan itu telah memainkan peranan yang aktif dalam skim "Kontrak Belian Baucer" yang dikendalikan oleh PLSB.

Rayuan Pendakwa Raya Terhadap Ashah Binti Man

[15] Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, Mahkamah Tinggi telah bersetuju dengan keputusan hakim Mahkamah Sesyen dan mengekalkan perintah pelepasan dan pembebasan terhadap Ashah binti Man di akhir kes pembelaan. Di hadapan kami, Timbalan Pendakwa Raya ("TPR") telah berhujah bahawa Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesyen telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa Ashah binti Man telah berjaya menimbulkan satu keraguan munasabah ke atas kes pihak pendakwaan, sedangkan pihak pendakwaan telah pun berjaya membuktikan satu *prima facie* kes di akhir kes pendakwaan dan telah berjaya membuktikan kes adalah melampaui keraguan yang munasabah.

[16] Berdasarkan keterangan yang ada, kami bersetuju dengan dapatan Mahkamah Sesyen bahawa terdapat keraguan yang munasabah kes pihak pendakwaan terhadap Ashah binti Man memandangkan tiada saksi yang menyatakan beliau telah memberi maklumat kepada pendeposit-pendeposit tentang skim 'Kontrak Belian Baucer Barangan' PLSB itu. Di samping itu, dokumen-dokumen PLSB seperti surat rasmi dan cek yang berkaitan dalam

kes ini tidak melibatkan atau membabitkan Ashah binti Man. Tidak ada sebab yang mewajarkan kami untuk mengganggu keputusan Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi. Dengan yang demikian, kami mendapati rayuan pendakwa raya terhadap beliau tidak bermerit. Kami menolaknya dan kami mengesahkan perintah pelepasan dan pembebasan terhadap beliau.

Rayuan-Rayuan Oleh Mohd Khalid Bin Mokhtar, Jeffry Bin Abd Wahab, Kamaruddin Bin Mohamad, Arba'ei Bin Othman Dan Afta Nizam Bin Ibrahim

[17] Alasan utama yang disandarkan oleh semua perayu bagi menyokong rayuan mereka adalah bahawa konsep dan corak perniagaan yang dijalankan oleh PLSB tersebut tidak tergolong di dalam mana-mana kategori perniagaan perbankan, syarikat kewangan, bank saudagar atau syarikat diskaun sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 25(1) BAFIA. Peguam-peguam kesemua perayu telah berhujah bahawa tiada keperluan dari segi undang-undang bagi PLSB untuk memiliki lesen sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 6(4) BAFIA bagi tujuan perniagaan PLSB. Sehubungan ini, telah dihujahkan bahawa di bawah peruntukan s. 25(1) BAFIA, pihak pendakwaan hendaklah membuktikan bahawa PLSB terlibat dalam perniagaan sama ada berkaitan perbankan, syarikat kewangan, bank saudagar atau syarikat diskaun. Adalah menjadi hujah perayu-perayu bahawa oleh kerana pihak pendakwaan telah gagal membuktikan PLSB terlibat dalam perniagaan sama ada berkaitan perbankan, syarikat kewangan, bank saudagar atau syarikat diskaun, maka intipati yang material pertuduhan telah gagal dibuktikan terhadap kesemua perayu. Menurut perayu-perayu, atas alasan tersebut sewajarnya mahkamah ini membenarkan rayuan perayu-perayu dan melepaskan dan membebaskan semua perayu.

[18] Adalah penting untuk diberi perhatian bahawa perbuatan mengambil deposit tanpa lesen yang sah adalah merupakan satu kesalahan yang spesifik di bawah s. 25(1) BAFIA yang boleh membawa hukuman denda maksimum RM10 juta atau sepuluh tahun penjara atau kedua-duanya di bawah jadual keempat s. 103 BAFIA. Manakala menjalankan aktiviti perbankan, syarikat kewangan, perbankan saudagar atau syarikat diskaun tanpa lesen yang sah yang diperolehi di bawah s. 6(4) adalah merupakan satu

kesalahan yang berlainan di bawah s. 4(a) BAFIA yang boleh dihukum dengan denda maksimum sebanyak RM10 juta atau sepuluh tahun penjara atau kedua-duanya di bawah jadual keempat s. 103 BAFIA. Ini bermakna perbuatan mengambil deposit tanpa lesen yang sah dan menjalankan aktiviti perbankan syarikat kewangan, perbankan saudagar, atau syarikat diskaun tanpa lesen yang sah adalah merupakan dua kesalahan yang berlainan.

[19] Dalam konteks kes ini, pada pandangan kami, untuk membuktikan kesalahan di bawah s. 25(1), apa yang hanya perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah sama ada pada masa dan tempat yang berkenaan, PLSB telah menerima deposit sepertimana yang ditakrifkan di bawah s. 2(1) dibaca bersama dengan s. 25(3) BAFIA. Peruntukan s. 25(1) menekankan bahawa pertama, seseorang tidak boleh menerima atau mengambil deposit dan kedua, seseorang hanya dibenarkan menerima atau mengambil deposit sekiranya telah diberi lesen yang sah di bawah s. 6(1) untuk mengendalikan perniagaan perbankan, syarikat kewangan, bank saudagar atau syarikat diskaun. Ini bermakna pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan bahawa PLSB telah menjalankan aktiviti perbankan, syarikat kewangan, perbankan saudagar atau syarikat diskaun. Apa yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah PLSB telah menerima deposit yang berkenaan. Dalam kes ini, kami mendapati bahawa terdapat keterangan yang jelas dan mencukupi bahawa PLSB telah menjalankan satu aktiviti penerimaan 'deposit' di mana pelabur-pelabur dijanjikan dengan pulangan semula wang pokok dan juga pulangan kepada pelaburan. Tambahan pula, deposit-deposit yang diterima dan diambil oleh PLSB walaupun dipanggil sebagai 'Kontrak Belian Baucer Barangan', namun pada hakikatnya ia merupakan 'deposit' seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2(1) dan s. 25(3) BAFIA.

[20] Perayu-perayu juga telah mengemukakan hujah bahawa s. 25(1) BAFIA tidak terpakai kerana konsep perniagaan yang dijalankan oleh PLSB dikatakan bercirikan konsep Islam yang dikenali sebagai *Al-Bai' Bil Hibbah*. Kami tidak dapat menerima alasan ini. Terdapat keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan yang menunjukkan bahawa konsep perniagaan yang dijalankan oleh PLSB itu adalah bertentangan dengan muamalat Islam. Dalam apa keadaan pun, apa yang penting yang perlu ditekankan di sini ialah perniagaan PLSB tidak dikecualikan

daripada peruntukan BAFIA yang merupakan suatu Akta bagi mengadakan undang-undang mengenai pelesenan dan pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan pembrokeran wang, mengenai pengawalseliaan institusi-institusi yang menjalankan perniagaan-perniagaan kewangan lain yang tertentu, dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

[21] Perayu-perayu juga menimbulkan isu estopel di mana dihujahkan bahawa PLSB telah meneruskan perniagaannya berdasarkan representasi Bank Negara Malaysia ("BNM") bahawa PLSB tidak tertakluk kepada mana-mana peruntukan BAFIA termasuk s. 25(1). Pada pandangan kami, alasan ini tidak bermerit. Doktrin estopel tidak boleh digunapakai kerana PLSB sudah mula beroperasi sebelum inkuiri atau pertanyaan dibuat kepada BNM. Ini jelas dilihat melalui tarikh-tarikh pelaburan oleh pelabur-pelabur seperti SP18 yang melabur sebelum pertanyaan dibuat kepada BNM atau mana-mana pihak berkuasa yang lain.

[22] Peguambela perayu-perayu juga ada membangkitkan isu sama ada peruntukan s. 25(1) dibaca bersama s. 106(1) BAFIA adalah bersifat liabiliti ketat (strict liability) atau sebaliknya. Berkaitan dengan isu ini, tidak boleh dinafikan bahawa BAFIA merupakan undang-undang mengenai pelesenan dan pengawalseliaan industri perbankan dan kewangan. Sehubungan ini, pada pendapat kami, peruntukan s. 25(1) dan s. 106(1) digubal bagi menghindari kesan buruk terhadap orang awam berpunca daripada individu atau syarikat yang menerima deposit tanpa lesen yang mengakibatkan pendeposit tidak mendapat kembali wang pokok yang telah didepositkan sepertimana yang berlaku dalam kes ini. Dengan adanya peruntukan ini, agensi penguatkuasaan undang-undang akan mengenal pasti dan hanya mengeluarkan lesen kepada institusi-institusi yang mempunyai kuasa pembayaran semula yang kukuh supaya orang awam tidak rugi dan menjadi mangsa kegagalan syarikat-syarikat penerima deposit tanpa lesen untuk membayar balik wang pokok mereka. Jelas bahawa peruntukan ini penting bagi mengawal selia pelesenan dan kegiatan industri perbankan dan kewangan negara demi untuk menjaga kestabilan dan struktur sistem kewangan negara, amnya. Berdasarkan faktor inilah kami berpendapat bahawa kesalahan di bawah s. 25(1)

dibaca bersama s. 106(1) adalah 'regulation for the public welfare of a particular activity' seperti yang disebut di dalam kes *Lim Chin Aik v. Regina* [1962] 1 LNS 86; [1963] 1 MLJ 50 di mana dinyatakan:

> Where the subject-matter of the statute is the regulation for the public welfare of a particular activity – statutes regulating the sale of food and drink are to be found among the earliest examples – it can be and frequently has been inferred that the legislature intended that such activities should be carried out under conditions of strict liability. The presumption is that the statute or statutory instrument can be effectively forced only if those in charge of the relevant activities are made responsible for seeing that they are complied with. When such a presumption is to be inferred, it displaces the ordinary presumption of *mens rea*.

[23] Di dalam kes *PP v. Osman Apo Hamid & Anor* [1976] 1 LNS 110; [1978] 2 MLJ 38, responden telah dituduh di bawah s. 29(1) Peraturan Lembaga Padi dan Beras Negara Peraturan Negeri Terengganu. Responden telah didapati membawa beg-beg yang berisi beras melebihi had yang diizinkan oleh permit yang dikemukakan oleh mereka. Mereka telah ditahan dan seterusnya telah didakwa. Kedua-dua responden mengakui bahawa mereka tahu bahawa mereka membawa 130 beg beras tetapi menafikan bahawa mengetahui permit memperuntukkan hanya 80 beg beras sahaja yang boleh dibawa. Pihak pendakwaan merayu terhadap keputusan Mahkamah Sesyen yang telah membebas dan melepaskan tertuduh daripada pertuduhan. Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan pihak pendakwa raya. Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa berdasarkan kepada statut dan peraturan yang dibuat, ia hendaklah dimaksudkan peraturan itu adalah liabiliti ketat kerana adalah amat perlu mengekalkan kestabilan harga padi dan beras kepada pengguna dan penanam padi serta untuk menghalang pergerakan padi dan beras di dalam negeri-negeri untuk mengimbangi pengagihan komoditi tersebut dan peringkat harga yang diharapkan oleh pelbagai negeri. Dalam penghakimannya, Abdul Razak H menyatakan:

> One has to study the purport of the LPN Act 1971 under which PU(A) 320/71 was promulgated and I think it is obvious that looking at the statute and the regulations under which it was made, it must have been intended that the latter be of strict liability if only because in the context in which the Government deems it necessary in order to maintain a stable and proper price

for padi and rice for the consumer and the padi planter by having their prices fixed at different levels at different States, that the movement of rice and padi in the States and particularly that from the border State of Thailand should not be allowed unrestricted as to offset the balance of distribution of that commodity in the country as a whole and therefore to upset its expected price levels in the various States. There is always a temptation in a situation like this to circumvent the regulation by unauthorised smuggling and therefore it is of the utmost importance that the regulation should be as strict as possible as to offer the minimum opportunity for evasion and deception.

[24] Berdasarkan nas kes *Lim Chin Aik* dan *Osman Apo Hamid*, kami berpendapat bahawa kesalahan di bawah s. 25(1) dibaca bersama s. 106(1) sebagaimana yang dipertuduhkan ke atas semua perayu adalah merupakan satu kesalahan liabiliti ketat yang tidak memerlukan elemen *mens rea*. Peruntukan s. 106(1) BAFIA menganggap seorang pengarah atau pegawai syarikat adalah melakukan kesalahan tersebut seandainya pada masa berlaku kesalahan yang berkenaan dia adalah pengarah atau pun pegawai syarikat tersebut. Seorang pengarah atau pegawai syarikat yang berkenaan hanya boleh dikecualikan daripada kesalahan yang telah dilakukan oleh syarikat jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa dipersetujui atau dibiarkannya dan bahawa dia menjalankan segala usaha untuk mengelakkan berlakunya kesalahan sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankannya, memandang kepada jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan. Seperti yang kami nyatakan tadi bahawa BAFIA merupakan undang-undang mengenai pelesenan dan pengawalseliaan industri perbankan dan kewangan dan dengan menjadikan kesalahan s. 25(1) yang dibaca dengan s. 106(1) sebagai kesalahan liabiliti ketat, ianya dapat membantu penguatkuasaan undang-undang tersebut menjadi lebih berkesan. Dalam hubungan ini, kami bersetuju dengan dapatan Mahkamah Sesyen dan juga Mahkamah Tinggi bahawa semua perayu telah gagal membuktikan bahawa kesalahan yang telah dilakukan oleh PLSB tidak dipersetujui oleh mereka. Kesemua perayu juga telah gagal untuk membuktikan bahawa mereka semua telah menjalankan segala usaha untuk mengelakkan PLSB melakukan kesalahan yang berkenaan.

[25] Selain daripada alasan-alasan utama di atas, bagi menyokong rayuan mereka, kesemua perayu juga telah mengemukakan beberapa alasan yang lain sepertimana yang terkandung dalam

petisyen rayuan mereka dan juga penghujahan bertulis dan lisan yang telah dikemukakan oleh peguam-peguam yang berkenaan yang mewakili perayu-perayu. Semua alasan ini telah pun kami pertimbangkan dengan teliti dan kami mendapati ianya juga tidak bermerit.

[26] Sebagai rumusannya, setelah menimbangkan dengan teliti dan berhati-hati semua keterangan yang terkandung dalam rekod-rekod rayuan serta juga hujah kedua-dua belah pihak, kami mendapati bahawa Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan yang betul apabila mendapati kesemua perayu bersalah dan mensabitkannya atas pertuduhan yang dikenakan ke atas mereka. Pada pandangan kami di atas fakta-fakta dan keadaan kes ini, sewajarnya perayu-perayu didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang berkenaan. Pembelaan perayu-perayu tidak dapat menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Tiada keraguan munasabah wujud mengenai kebersalahan perayu-perayu dalam kes ini. Pada keseluruhannya, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan melampaui batasan keraguan yang munasabah di atas pertuduhan terhadap perayu-perayu. Tiada sebarang sebab yang mewajarkan kami mengganggu keputusan Mahkamah Sesyen dan juga Mahkamah Tinggi (sila lihat *Teng Howe Sing v. PP* [2008] 5 CLJ 186). Kami berpuashati bahawa sabitan terhadap perayu-perayu adalah selamat. Dengan yang demikian, rayuan tentang sabitan ini ditolak. Kami mengekalkan sabitan terhadap perayu-perayu.

Hukuman

[27] Akhir sekali, kami beralih kepada isu tentang hukuman. Mengikut prinsip penghukuman yang sedia ada, setiap orang yang bersalah akan menerima hukuman yang setimpal dengan bentuk kesalahan yang dilakukan. Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman menurut undang-undang untuk menentukan supaya hukuman yang dikenakan terhadap pesalah itu adil, bersesuaian dan setimpal dengan apa-apa kesalahan yang dilakukannya itu.

[28] Adalah juga menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak seharusnya campur tangan dengan hukuman yang dikenakan oleh hakim perbicaraan dan selalunya tidak akan menukar atau mengubah hukuman, melainkan ianya berpuas hati bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh hakim berkenaan itu ternyata amat tidak memadai atau mencukupi atau keterlaluan atau tidak sah atau pun tidak

merupakan hukuman yang wajar memandangkan semua fakta yang didedahkan, atau bahawa mahkamah tersebut jelas tersilap di dalam memakai prinsip yang betul dalam penilaian hukuman.

[29] Dalam hubungan ini, tidak boleh dipertikaikan lagi bahawa kepentingan awam adalah faktor utama dalam penghukuman sebagai memberi satu pengajaran kepada semua perayu dan perlindungan kepada masyarakat.

[30] Persoalan utama di sini adalah sama ada hukuman penjara 12 bulan setiap seorang terhadap Jeffry bin Abd Wahab, Kamaruddin bin Mohamad, Arba'ei bin Othman dan Afta Nizam bin Ibrahim dan hukuman penjara dua tahun terhadap Mohd Khalid bin Mokhtar yang dijatuhkan adalah merupakan hukuman yang terlampau berat (manifestly excessive) dan tidak berpadanan dengan kesalahan yang dilakukan oleh mereka di dalam kes ini.

[31] Pada pandangan kami, kesalahan yang dilakukan oleh kesemua perayu merupakan satu kesalahan yang serius. BAFIA merupakan undang-undang yang mengawalselia pelesenan dan kegiatan industri perbankan dan kewangan. Jelas, niat Parlimen dalam menggubal Akta ini adalah untuk melindungi sebarang penyelewengan dalam industri perbankan dan kewangan di negara kita. Kesalahan di bawah s. 25(1) BAFIA boleh membawa hukuman sehingga penjara sepuluh tahun atau denda RM10 juta atau kedua-duanya sekali. Hukuman tersebut jelas mencerminkan keseriusan kesalahan ini.

[32] Pada pandangan kami, peruntukan s. 25(1) BAFIA digubal bagi menghindari kesan buruk terhadap orang awam berpunca daripada kegagalan individu atau syarikat yang menerima deposit untuk membayar balik wang pokok yang telah didepositkan kepadanya. Sekiranya hukuman yang ringan dikenakan ke atas pesalah-pesalah, ini tidak akan memberi pengajaran kepada mereka, sebaliknya memungkinkan pesalah-pesalah ini kembali melakukan aktiviti yang sama.

[33] Berdasarkan semua faktor di atas, kami mendapati bahawa Mahkamah Tinggi tidak tersilap dalam menjatuhkan hukuman penjara selama 12 bulan terhadap Jeffry bin Abd Wahab, Kamaruddin bin Mohamad, Arba'ei bin Othman dan Afta Nizam bin Ibrahim kerana hukuman tersebut adalah wajar, tepat dan berpandukan prinsip undang-undang yang mantap setelah

mengambil kira segala keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan dan pembelaan dalam kes. Kami juga mendapati hukuman penjara dua tahun terhadap Mohd Khalid bin Mokhtar juga adalah wajar dan berpandukan prinsip undang-undang yang mantap kerana penglibatan beliau sebagai ketua pegawai eksekutif PLSB yang merupakan 'master mind' aktiviti PLSB. Tidak wujud sebarang kekhilafan dalam menjatuhkan hukuman ke atas mereka yang mewajarkan campur tangan pihak kami.

[34] Dengan yang demikian, rayuan-rayuan mereka ditolak. Kami mengekalkan sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan terhadap mereka. Hukuman penjara 12 bulan setiap seorang terhadap Jeffry bin Abd Wahab, Kamaruddin bin Mohamad, Arba'ei bin Othman dan Afta Nizam bin Ibrahim dan hukuman penjara dua tahun terhadap Mohd Khalid bin Mokhtar hendaklah bermula mulai hari ini iaitu 9 Mei 2014 memandangkan Mahkamah Sesyen dan juga Mahkamah Tinggi di atas permohonan semua perayu telah menangguhkan pelaksanaan hukuman penjara sehingga kami membuat keputusan ke atas rayuan-rayuan ini.